

# Majlis Tandatangani MoU Bagi Projek Pembangunan Produk Daripada Kelapa Sawit

Khamis, 14 Februari 2013 15:13



**- MALAY VERSION ONLY -**

TEKS UCAPAN

Y.Bhg. DR. JALALUDDIN HARUN

KETUA PENGARAH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS TANDATANGAN MoU BAGI PROJEK PEMBANGUNAN PRODUK DARIPADA KELAPA SAWIT DIBAWAH

PADA 29 JULAI 2010 (KHAMIS)

DI FIDEC, MTIB,

OLAK LEMPIT, MTIB, SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Selamat sejahtera serta selamat pagi

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

Y. B. Dato' Hamzah Zainudin

Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Datuk Wira Ismail Salleh (TBC)

Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Datuk Wilfred Madius Tangau

Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB),

Datin Paduka Nurmala Abd Rahim (TBC)

Timbalan Ketua Setiausaha 1

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Pn Rosela Mahayuddin (TBC)

Timbalan Ketua Setiausaha II

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y. Bhg Tn Abduk Razak Jaafar

Y. Di Pertua Daerah Kuala Langat

Y. Berusaha En George Tan Seng Hoe,

Presiden Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM)

Y.Berusaha Dato Sheikh Othman Sheikh Abd. Rahman

Pengerusi Kehormat Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA)

Ahli-ahli Jemaah Lembaga MTIB,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi,

Dif-dif jemputan,

Datuk-Datuk, Datin Datin

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya bagi pihak MTIB ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Y. B. Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri serta merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi projek-projek di bawah Tabung Pembangunan Industri Kayu-kayan Malaysia (TPIKM). Saya juga amat menghargai kehadiran tetamu-tetamu jemputan kita ke Majlis Pelancaran ini.

Y. Bhg Dato'/Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

2. Hari ini, kita berkumpul di sini untuk menyaksikan saat-saat yang penting dimana usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan pertumbuhan industri kayu Malaysia pada masa depan. Selama beberapa tahun, industri berasaskan kayu telah menyumbang sekurang-kurangnya 4.0 peratus kepada pendapatan Keluaran Kasar Dalam Negara setiap tahun. Pada tahun 2009, pendapatan eksport dari sektor adalah sebanyak RM19.5 bilion dan keluaran kayu merupakan pengeksporan kedua selepas minyak sawit dalam sektor komoditi. Malaysia juga merupakan pembekal papan lapis kedua terbesar dan pengeksport perabot negara adalah di tahap ke-10 terbesar di pasaran dunia.

3. Malaysia adalah negara yang kaya dengan sumber hutan dan telah menghasilkan lebih dari 20 juta meter padu kayu setiap tahun. Walaubagaimanapun, aktiviti penebangan dari hutan simpan kekal telah berkurangan secara berperingkat disebabkan usaha pemuliharaan serta Pada 2010, pengeluaran kayu dianggarkan akan berkurangan menjadi 16.5 juta m<sup>3</sup>. Isipadu ini dijangka akan terus merosot kerana Kerajaan sekarang bergiat mengamalkan pengurusan hutan secara mampan. Adalah dianggarkan permintaan kayu untuk industri pemprosesan kayu pada tahap 20.6 juta m<sup>3</sup> dengan "shortfall" yang minima yang boleh ditampung oleh bahan alternatif seperti bahan gentian.

4. Bagi mengatasi cabaran-cabaran dalam hal penyediaan bahan mentah untuk industri kayu, kerajaan telah mengambil tindakan agresif dengan memulakan beberapa projek dalam bidang pertumbuhan yang baru (atau new areas of growth) yang menggunakan bahan alternatif untuk industri pemprosesan kayu. Dalam hal ini, kerajaan dapat melihat potensi yang terdapat dalam pemanfaatan sisa pertanian sebagai sumber alternatif untuk industri pemprosesan kayu. Selain dari sumber hutan, Malaysia juga kaya dengan tanaman pertanian.

5. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian pada hadirin sekalian bahawa telah ada kemajuan dalam usaha-usaha penggunaan bahan alternatif, terutama dalam penggunaan batang kelapa sawit. Saya mempunyai harapan yang tinggi dalam penggunaan kayu kelapa sawit kerana ia mempunyai sifat fleksibiliti dan penggunaan yang luas. Pada masa kini, kita mempunyai sekurang-kurangnya 4.2 juta hektar ladang kelapa sawit dan dianggarkan bahawa ladang kelapa sawit ini dapat menghasilkan sebanyak 18.4 juta ton empty fruit bunches (EFB) dan 315 juta m<sup>3</sup> batang kelapa termasuk biomass.

6. Bahan biomass kelapa sawit berpotensi digunakan dalam penghasilan papan lapis, particleboard, papan gentian dan pulpa dan kertas. Selain itu, batang kelapa sawit juga diproses menjadi kayu gergaji untuk pembuatan perabot dan produk kayu lain. Namun, aplikasi ini belum dikembangkan dalam skala komersil disebabkan kebanyakan pengeluar masa ini masih kurang keyakinan dari sudut pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan penggunaan batang kelapa sawit.

7. Usahamasa yang dijalinkan melalui MoU yang akan ditandatangani dengan persatuan-persatuan TEAM dan MPMA hari ini yang bakal dimeterai sebentar lagi adalah salah satu langkah untuk memperkembangkan penggunaan bahan kayu alternatif ia itu batang kelapa sawit dengan tujuan membantu pihak industri perkayuan untuk terus bersaing di pasaran global dengan pengeluaran produk yang bermutu tinggi dan menepati piawaian.

8. Dengan perkembangan di atas, MTIB sebagai Standard Writting Organization (SWO) kini dalam perancangan untuk mengembangkan penggubalan standard bagi produk-produk berteraskan menggunakan batang kelapa sawit supaya produk ini dapat menembusi pasaran global dengan kualiti yang memenuhi permintaan pasaran.

Y. Bhg Dato'/Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

9. Untuk menyokong industri biokomposit, Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit atau FIDEC telah ditubuhkan di bawah MTIB oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk membantu industri dalam mengaplikasikan penggunaan bahan-bahan gentian semula jadi untuk pengkomersilan. FIDEC berfungsi sebagai 'platform' bagi membantu industri dalam pengujudanan rangkaian dan menyediakan kerjasama pintar dengan institut penyelidikan, Universiti serta industri biokomposit untuk mempercepatkan aktiviti perintis keatas penemuan R&D ke peringkat komersil. FIDEC juga menyediakan kemudahan penghasilan dan pengujian produk biokomposit yang boleh digunakan oleh pihak industri.

10.MTIB berharap agar pihak KPPK dapat menerajui satu sesi pencambahan fikiran dengan syarikat korporat yang mempunyai pengaruh dalam perkembangan industri kelapa sawit agar persetujuan supaya batang kelapa sawit ini dapat dibekalkan secara berterusan bagi menyokong pembangunan industri kayu negara.

11.Sebagai akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada YB Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi atas kesudian beliau menghadiri dan menyaksikan Majlis Menandatangani MoU Bagi Projek Pembangunan Produk Daripada Kelapa Sawit Dibawah Tabung Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (TPIKM) ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para hadirin sekalian yang telah menyertai majlis pada hari ini.

Sekian terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA